

PM sihat jangan percaya khabar angin — Abdullah

UM 27 JAN 2000

KOTA KINABALU 26 Jan. — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi malam ini berkata, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang sedang bercuti di luar negara berada dalam keadaan sihat.

Katanya, rakyat tidak perlu bimbang dengan pelbagai khabar angin mengenai keadaan Perdana Menteri.

"Perdana Menteri dalam keadaan sihat. Kalau ada apa-apa yang berlaku pada beliau, sayalah orang pertama yang dihubungi mengenainya...tetapi setakat ini belum ada apa-apa. Ini bermakna tiada apa-apa yang berlaku," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis Aidilfitri Badan Perhubungan UMNO Sabah di sini.

Sambil menyifatkan perbuatan mereka yang menyebarkan khabar angin termasuk kononnya Dr. Mahathir terjatuh dari kuda, sebagai satu perbuatan yang terukutuk, Abdullah berkata mereka yang berbuat demikian tidak mempunyai sebarang perasaan cinta terhadap negara.

Kesal

Beliau kesal kerana khabar angin berkenaan terus disebar dan berulang-ulang sehingga menjejaskan sentimen dalam pasaran saham ketika ia sudah menunjukkan perkembangan yang memberangsangkan sejak akhir-akhir ini.

"Ada orang nakal yang kata Perdana Menteri jatuh dari kuda...berulang-ulang cerita ini dibuat sehingga ia membawa sentimen yang mengganggu pasaran saham. Kenakalan ini sengaja diadadakan oleh mereka yang tidak suka kepada kita," katanya ketika diminta mengulas mengenai khabar angin berhubung keadaan Perdana Menteri.

Menurutnya, Dr. Mahathir akan balik dari percutian lebih awal daripada yang dijadualkan iaitu menjelang 1 Februari.

■ Lihat muka 4

PM sihat jangan percaya khabar angin — Abdullah

UM 27 JAN 2000

Menurut Abdullah beliau tidak membuat apa-apa reaksi terhadap khabar angin itu lebih awal kerana tidak mahu mengganggu percutian Perdana Menteri.

Ketika ditanya sama ada Dr. Mahathir terganggu oleh khabar angin itu, Abdullah berkata: "Saya tidak tahu sama ada dia terganggu atau tidak... saya juga tidak tahu bagaimana reaksi Perdana Menteri mengenai perkara ini."

Ditanya lebih lanjut mengenai kesihatan Perdana Menteri, Abdullah berkata: "Ketika ini, beliau sihat... rakyat tidak perlu bimbang apa-apa."

Sebelum bertemu pemberita yang sedang menunggu untuk mendapatkan maklumat mengenai perkara itu daripada beliau, Abdullah berjalan menuju ke rostrum untuk memberikan penjelasan ringkas mengenai keadaan Perdana Menteri pada akhir majlis malam ini.

Penjelasan beliau itu menyebabkan mereka yang hadir kedegaran menarik nafas lega dan bertepuk tangan sebaik sahaja Abdullah berkata: "Perdana Menteri akan

balik awal dan insya-Allah kita akan sambut ketibaan beliau."

Abdullah turut kesal kerana selepas menyebarkan khabar angin berkenaan, pihak-pihak tertentu di negara ini juga berdemonstrasi.

"Baru-baru ini mereka berdemonstrasi di Kuala Lumpur. Perbuatan seperti ini adalah tidak patriotik, tidak sayang kepada negara... mereka lebih suka negara dalam keadaan kelim-kabut asalkan hasrat mereka tercapai," kata beliau.

Beliau turut berharap agar rakyat dapat memahami keadaan sebenar supaya tidak terpengaruh dengan niat jahat pihak-pihak tertentu.

Sementara itu, Setiausaha Akhbar kepada Perdana Menteri, Zakaria Wahab berkata Perdana Menteri sihat walafiat dan khabar angin yang disebar hanyalah fitnah semata-mata.

Katanya, Perdana Menteri pada masa ini sedang dalam perjalanan ke London dan akan tiba pagi esok.